

ES11320001

10 Februari 2020

Kepada Pihak Berkepentingan,

Tuan/Puan,

Undangan untuk memberi komen terhadap pensijilan semula RSPO ke atas Wilmar International Limited - Saremas 1 Palm Oil Mill

Wilmar International Limited memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (Malaysia National Interpretation of RSPO Principles and Criteria for Sustainable Palm Oil Production).

RSPO merupakan organisasi yang ditubuhkan pada 2004 dan bermatlamat untuk menggalakkan pengeluaran minyak sawit mampan serta penggunaannya. Pensijilan RSPO memberi pengiktirafan kepada pengeluar minyak sawit bahawa mereka telah mengeluarkan minyak sawit mampan yang merangkumi:

- Pelaksanaan amalan pertanian baik
- Kepatuhan pada perundangan
- Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan sumber semulajadi, kepelbagaian bio dan alam sekitar
- Bertanggungjawab kepada pekerja, individu dan masyarakat yang menerima kesan daripada operasi perladangan dan pengilangan minyak sawit
- Penambahbaikan berterusan

Di dalam memastikan bahawa organisasi menepati kehendak di atas, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ingin menjemput pihak tuan/puan untuk memberi maklumbalas bagi penilaian yang akan dijalankan ke atas Boustead Plantations Berhad - Nak Business Unit.

Berikut adalah maklumat mengenai Wilmar International Limited - Saremas 1 Palm Oil Mill (No. Keahlian: 2-0017-05-000-00 / No. ID RSPO: RSPO_PO1000000091) dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd:

Wilmar adalah salah satu daripada pemilik ladang kelapa sawit terbesar di dunia dengan keluasan keseluruhan 230,409 hektar (ha) pada 31 Disember 2018, di mana kira-kira 67% di Indonesia, 25% di Malaysia Timur dan 8% di Afrika. Di Indonesia, ladang kami terletak di Sumatera, Kalimantan Barat dan Kalimantan Tengah (wilayah selatan) manakala di Malaysia, mereka terletak di negeri Sabah dan Sarawak.

Selain daripada perladangan, Wilmar juga memiliki kilang kelapa sawit untuk memproses buah-buahan dari ladang kami sendiri dan sekitarnya. Produk utama penanaman dan pengilangan kelapa sawit adalah minyak kelapa sawit dan kernel sawit yang kebanyakannya dibekalkan kepada perniagaan Pengilangan Minyak Tropika.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan badan pensijilan, pengujian dan pemeriksaan utama di Malaysia. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatannya mengikut kehendak standard yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. SIRIM QAS International mempunyai pengalaman luas di dalam pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dari pengilangan kelapa sawit hingga industri hilirannya.



ISO/IEC 17021-1:2015 QS 02121999 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 17122002 CB 02
ISO/IEC 17065:2012 PC 05102004 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 OSH 06122005 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 HACCP 05052008 CB 03
ISO/TS 22003:2013 FSMS 23122008 CB 01
MS ISO/IEC 17021:2011 FMC 10122009 CB 02
MS ISO/IEC 27006:2011 ISMS 17022011 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 EAMS 03012014 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 MDQMS 30092015 CB 04
ISO/IEC 17021-1:2015 GMP 09122015 CB 04
ISO/IEC 17021-1:2015 MSPO 25072017 CB 05
ISO/IEC 17024:2012 PS 09032017 CB 03

MS ISO/IEC 17025
CALIBRATION/TESTING
SAMM NO 085 SAMM NO 086
SAMM NO 087 SAMM NO 219
SAMM NO 735 SAMM NO 240
SAMM NO 734 SAMM NO 377

MS ISO/IEC 17020
MIBAS NO. 003

074

SIRIM QAS International Sdn. Bhd merancang untuk menjalankan audit penilaian semula Wilmar International Limited - Saremas 1 Palm Oil Mill bermula dari 16 Mac 2020 sehingga 20 Mac 2020. Malaysia National Interpretation 2019 of RSPO Principles and Criteria for the Production of Sustainable Palm Oil adalah standard yang akan digunakan dalam penilaian ini. Wilmar International Limited - Saremas 1 Palm Oil Mill terletak di Bintulu, Sarawak, Malaysia. Butir-butir unit pensijilan boleh dirujuk di **Lampiran 1**.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah melantik :

Pasukan Juruaudit	Peranan / Elemen yang di perlukan	Kelayakan dan Pengalaman
Amir Bahari	Ketua Juruaudit / Isu Amalan Perladangan Baik (GAP)	- Memiliki Ijazah (Kepujian) Kimia – Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang - Bekerja sebagai Pengurus Estate (2008 - 2013 - bersara) menyediakan dokumen dan amalan untuk pensijilan RSPO. Mengekalkan semua dokumen dan amalan / latihan kepada pekerja untuk RSPO yang diperakui dan OHSAS 18001 sebelum melengkapkan tempoh di dalam ladang. - Pen. Jurutera Kilang / Pen. Pengurus sejak 1994-2002 di Bukit Rajah POM. Melaksanakan ISO 9002 QMS untuk kilang, yang disahkan oleh SIRIM pada tahun 1995. Dilantik sebagai Jurulatih dan juruaudit dalam EMS bagi kilang dalam Kumpulan. - Eksekutif Pengeluaran sejak 1988 - 1994 di Sime Darby Plantation
Mohd Ab Raouf Asis	Juruaudit / Isu Sosial, Isu GHG, Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	- Memiliki Ijazah Pengeluaran dan Operasi (Kepujian) – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. - Pengalaman lebih 7 tahun bekerja dalam Ladang Kelapa Sawit. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Auditor oleh David Ogg.
Ismail Adnan	Juruaudit / Isu HCV dan Isu Sosial	- Memiliki Diploma Perhutanan - Institut Teknologi MARA - Memiliki Ijazah (Kepujian) Dalam Perhutanan - Universiti Washington U.S.A - Pengalaman 12 tahun di kawasan berkaitan hutan sebagai Pegawai Pengurusan Hutan sejak tahun 1974 - Mengumpul lebih daripada 65 hari dalam pengauditan MC & I (2016) sebagai juruaudit hutan - Menghadiri latihan Kursus Latihan Juruaudit RSPO P&C pada Oktober 2016 - Berjaya menamatkan kursus EMS 14001: 2004Kursus Ketua Juruaudit, November 2015.
Rozaimie Rahman	Juruaudit / & Isu Alam Sekitar, Isu GHG dan Supply Chain	- Memiliki Diploma Perikanan - Universiti Putra Malaysia. - Memiliki Ijazah (kepujian) sains Pertanian - Universiti Putra Malaysia.

		• Pengalaman selama lebih 5 tahun bekerja berkaitan dengan kelapa sawit. • Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO. • Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS. • Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS. • Berkhidmat sebagai pembantu pengurus ladang IOI Plantation Sdn Bhd (2012-2015), Yayasan Pahang Plantation (2015-2016).
--	--	---

Berhubung dengan penilaian yang akan datang, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. memerlukan maklumbalas daripada tuan/puan berkaitan dengan:

- Perlindungan alam sekitar
- Pemeliharaan kepelbagaian bio
- Peluang pekerjaan
- Penyediaan keperluan perumahan, sanitasi, kemudahan awam dan pendidikan
- Pendekatan syarikat terhadap pembangunan masyarakat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Lain-lain hal berkaitan penilaian, penilai dan syarikat / kilang / estet yang akan di nilai

Maklumbalas tuan/puan hendaklah di hantar kepada:

Kamini A/P Sooriamoorthy

atau **Edrin Moss**

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
Tingkat 1, Blok 4, Kompleks SIRIM Berhad,
No. 1, Persiaran Dato' Menteri,
40700 Shah Alam, Selangor,
Malaysia.

Telefon : +603 5544 6448
Faks : +603 5544 6763
Email : kamini@sirim.my

Ketua Pengurus - Sustainability


Wilmar International Limited
8th Floor UBN Tower

No. 10 Jalan P. Ramlee
Kuala Lumpur,
Malaysia.

Telephone : +6089 671546
Fax : +6089 670260
Email : edrin.moss@my.wilmar-intl.com

Pihak SIRIM QAS International mengucapkan terima kasih keatas segala maklumbalas yang telah di berikan.

Yang Benar,



(KAMINI A/P SOORIAMORTHY)

Ketua Seksyen,
Makanan, Pertanian & Perhutanan
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

LAMPIRAN

Lampiran 1

Maklumat mengenai Wilmar International Limited - Saremas 1 Palm Oil Mill

KILANG SAWIT YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA						
Nama Kilang	Kapasiti Kilang	Lokasi	Koordinat GPS		Hasil Pengeluaran Tahunan (MT)	
	(MT/Jam)	Alamat	Longitud	Latitud	CPO	Palm Kernel
Saremas 1 Palm Oil Mill	60	18 KM off KM 115, Bintulu - Miri Road, 97008, Bintulu Sarawak, Malaysia	113°44'39.092" E	3°31'32.199" N	50,930.00	9,954.50
LADANG-LADANG YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA						
Nama Ladang	Lokasi	Koordinat GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Purata Pengeluaran Tahunan (MT)
	Alamat	Longitud	Latitud	Jumlah	Jumlah Ditanam	
Saremas 1 Estet	18 KM off KM 115, Bintulu - Miri Road, 97008, Bintulu Sarawak, Malaysia	113°45'12.386" E	3°31'20.932" N	6,007.88	3,694.46	124,800.00
Suai Estet	18 KM off KM 115, Bintulu - Miri Road, 97008, Bintulu Sarawak, Malaysia	113°44'10.349" E	3°35'43.549" N	4,674.63	3,066.30	106,700.00
Total				9,284.92	6,760.76	231,500.00